



UNTUK SIARAN SEGERA

**KENYATAAN MEDIA
KETUA PENGARAH PERIKANAN MALAYSIA**

**MAKLUMBALAS MENGENAI ISU MAKANAN LAUT
BERCENGERANG DI SELAT MELAKA DICEMARI LOGAM
BERAT**

1. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) ingin memberi maklumbalas berhubung penyiaran laporan media serta penularan isu di media sosial mengenai isu makanan laut bercengerang di Selat Melaka dicemari logam berat.

2. Untuk makluman umum, **Malaysia mengeluarkan tiga spesies kerang-kerangan yang utama iaitu kerang, kupang dan tiram.** Data pengeluaran kerang terkini mencatatkan sebanyak 12,482 tan metrik diikuti dengan kupang sebanyak 2,274 tan metrik dan tiram sebanyak 1,402 tan metrik.

2. Sejak tahun 2013, DOF melaksanakan pemantauan keselamatan kerang-kerangan di Malaysia di bawah Program Sanitasi Kerang-Kerangan Kebangsaan (*National Shellfish Sanitation Program - NSSP*) yang melibatkan sampel kerang-kerangan ternakan dan liar.

3. Manakala bagi tahun 2018, sejumlah 1,128 sampel kerang-kerangan telah diambil di seluruh negara bagi pemantauan parameter di bawah Program NSSP melibatkan analisis logam berat (Kadmium, Plumbum, Merkuri) yang merupakan parameter yang dipantau setiap tahun.

4. Keputusan analisis pemantauan logam berat dalam sampel kerang-kerangan bagi Negeri Melaka (Sebatu), Johor (Air Baloi, Teluk Jawa dan Teluk Kabong) dan Pulau Pinang (Seberang Prai Selatan) mendapati **tiada kes pelanggaran bacaan bagi parameter logam berat, berdasarkan kepada piawaian di bawah Akta Makanan 1983.**

5. Manakala, bagi Negeri Selangor (Sungai Besar, Jeram dan Kapar) **tidak mempunyai kes pelanggaran parameter plumbum dan merkuri**, namun mempunyai pelanggaran bacaan parameter Kadmium bagi sampel kerang di Sungai Besar, Negeri Selangor pada akhir tahun lalu.

6. DOF mempunyai tatacara operasi standard (SOP) bagi pemantauan kes-kes pelanggaran parameter di bawah Program NSSP ini. Hebahan umum kepada komuniti setempat berhubung perkara tersebut juga telah dibuat dan pemantauan berterusan terus dilaksanakan di kawasan berkaitan.

7. DOF sentiasa komited dalam memantau tahap keselamatan kerang-kerangan di perairan Negara bagi pengguna. Walau bagaimanapun, kedudukan lokasi kerang-kerangan di kawasan perairan terbuka seringkali menerima ancaman pencemaran yang amat memerlukan tindakan pencegahan secara holistik daripada semua pihak.

8. DOF juga amat mengalu-alukan perkongsian sebarang hasil kajian yang bertujuan meningkatkan kualiti tahap keselamatan kerang-kerangan negara.

###

DATO' HAJI MUNIR MOHD NAWI
Ketua Pengarah Perikanan Malaysia
Wisma Tani, Putrajaya

9 April 2019 (Selasa) jam 2.30 petang

Sebarang pertanyaan sila hubungi:-

No. Tel : 012-356 9344 (Yazeereen)
013-631 7313 (Sharir)
Email : *ukk@dof.gov.my & pro@dof.gov.my*